

# Topeng muka barangan terkawal

KPDNHEP akan ambil tindakan tegas terhadap peniaga yang menaikkan harga

PUTRAJAYA

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengambil tindakan tegas terhadap peniaga yang menaikkan harga tidak munasabah bagi topeng muka susulan penularan wabak coronavirus.

Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Muez Abd Aziz berkata, topeng muka adalah barang harga terkawal dan harga maksimum telah ditetapkan untuk lima jenis topeng muka di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Menurutnya, bagi topeng muka untuk pembedahan atau perubatan, satu lapisan (gelung telinga) dijual harga borong pada RM5 sekotak, manakala harga runcit RM7 sekotak.

Bagi topeng muka untuk pembedahan dan perubatan pula,

dua lapisan (gelung telinga) dijual pada harga borong RM8 sekotak manakala harga runcit RM10 sekotak atau 20 sen seunit.

“Topeng muka (pembedahan/perubatan) tiga lapisan (gelung telinga/gelung kepala) pula, ia dijual pada harga borong RM25 sekotak dan harga runcit sebanyak 80 sen seunit.

“Bagi topeng muka (pembedahan/perubatan) tiga lapisan (ikatan pada kepala), harga borong diijual RM30 sekotak, ma-

nakala harga runcit 80 sen seunit. Bagi topeng muka (pembedahan/perubatan) N95, harga borong dijual RM100 sekotak, manakala harga runcit RM6 seunit,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Muez berkata, sebarang pelanggaran di bawah peruntukan akta tersebut bagi kesemua jenis topeng muka yang dinyatakan itu boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Bagi kesalah individu, ka-



FOTO: BERNAMA

KPDNHEP akan mengambil tindakan tegas terhadap peniaga yang menaikkan harga topeng muka. Gambar kecil: Muez Abd Aziz.

## Harga Maksimum borong dan runcit bagi topeng muka

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA	
<b>TOPENG MUKA (PEMBEDAHAN/PERUBATAN) 1 LAPISAN (GELUNG TELINGA)</b> BORONG: RM8.00 SEKOTAK RUNCIT: RM7.00 SEKOTAK	<b>TOPENG MUKA (PEMBEDAHAN/PERUBATAN) 3 LAPISAN (GELUNG TELINGA/GELUNG KEPALA)</b> BORONG: RM25.00 SEKOTAK RUNCIT: RM80.00 SEUNIT
<b>TOPENG MUKA (PEMBEDAHAN/PERUBATAN) 2 LAPISAN (GELUNG TELINGA)</b> BORONG: RM5.00 SEKOTAK RUNCIT: RM7.00 SEKOTAK	<b>TOPENG MUKA (PEMBEDAHAN/PERUBATAN) N95</b> BORONG: RM100.00 SEKOTAK RUNCIT: RM6.00 SEUNIT
<b>TOPENG MUKA (PEMBEDAHAN/PERUBATAN) 3 LAPISAN (IKATAN PADA KEPALA)</b> BORONG: RM30.00 SEKOTAK RUNCIT: RM30.00 SEUNIT	

tanya, peniaga terbabit boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000 manakala syarikat boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000.

“Perlu diingatkan juga, bagi topeng muka selain daripada lima jenis yang ditetapkan harga maksimum seperti di atas, kementerian masih mempunyai

kuasa mengambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 iaitu bagi sebarang perlakuan menaikkan harga borong atau runcit topeng muka secara tidak munasabah,” katanya.

Muez berkata, kementerian akan terus melaksanakan pantauan dengan mengarahkan pegawai penguat kuasa seramai 2,300 orang untuk membuat pemeriksaan di seluruh negara.

- Bernama